

Tahun 2008

Kumpulan KMK/KIK	BENAK Ditubuhkan pada tahun 2003	
Bahagian	JPS Bahagian Betong	
Ahli Kumpulan	Penasihat Fasilitator Ketua Kumpulan Setiausaha Ahli	Ir. Jamesy Mijek Lim Lip Chong Hj. Awang Sarbini Bin Awang Gapor Husaini Bin Tambi Hassan Bin Suhaili Amiruddin Bin Sitam Jemah Binti Jerawi Salawati Binti Sebran Edward Bunggang
Tajuk Projek	Projek PAPAN INJAP RAMA-RAMA (2R) - Pengurusan Air Untuk Penanaman Padi Di Skim Saliran Terkawal Kurang Efisien.	
Keterangan Projek	<p>Pengawalan paras air di skim saliran terkawal adalah penting bagi proses penanaman padi. Jika pengurusan air tidak dilakukan secara sempurna, ianya akan mendatangkan implikasi seperti :</p> <p>i. Tanah sawah menjadi kering, nutrien dalam tanah seperti nitrogen yang diperlukan oleh tanaman padi akan terhakis menyebabkan tanah menjadi kurang subur.</p> <p>ii. Rumput cepat tumbuh dicelah-celah tanaman padi.</p> <p>iii. Tanaman padi akan terdedah dengan serangan perosak seperti ulat, tikus dan siput.</p> <p>Justeru itu petani, sebagai pelanggan jabatan, tidak berpuashati dan merungut kerana masalah ini boleh menyebabkan hasil tuaian mereka terjejas, pendapatan mereka menurun, kos penyelenggaraan sawah meningkat dan berkemungkinan boleh menjurus kepada masalah bekalan padi untuk Negara.</p> <p>Bagi menyelesaikan masalah tersebut, kumpulan telah mengubah suai aksesori <i>Check Gate</i> iaitu papan tandop kayu belian ditukar kepada aksesori ciptaan kumpulan yang dinamakan PAPAN INJAP 2R</p>	
Pencapaian Projek dari segi :	<p><u>A. Penjimatan masa</u></p> <p>(I) Sebelum penyelesaian, untuk memasang jabatan memerlukan 2 orang pekerja untuk memasang papan tandop dan mengambil masa 15 minit 1 set papan tandop. Terdapat 5 lokasi berbeza dan ini akan mengambil masa:</p> <p style="text-align: center;">15 minit x 5 lokasi = 75 minit</p> <p>(II) Selepas penyelesaian, jabatan memerlukan 2 orang pekerja untuk memasang Papan Injab 2R dan untuk 5 lokasi berbeza ianya mengambil masa :</p> <p style="text-align: center;">5 minit x 5 lokasi = 25 minit</p> <p>Penjimatan masa sebanyak 50 minit bersamaan dengan 66%</p>	

	<p>B. Penjimatan Kos</p> <p>(I) Sebelum penyelesaian = RM 21,212.80 (II) Selepas penyelesaian = RM 11,040.00</p> <p>Penjimatan kos setahun ; RM 21,212.80 – 11,040.00 – RM 2,250.00 = RM 7,922.80</p> <p>@ RM 7,922.80 / RM 21,212.80 x 100% = 37%</p>
<p>Kategori</p>	<p>Teknikal</p>
<p>Konvensyen</p>	<p>Konvensyen KMK Sektor Awam Peringkat Negeri Sarawak 2008 di Hotel Parkcity, Bintulu, Sarawak Pencapaian : JOHAN</p> <p>Konvensyen KMK dan Inovasi Peringkat JPS Kebangsaan 2008 di Hotel Selesa, Johor Bahru Pencapaian : JOHAN</p> <p>Konvensyen KMK Peringkat Kebangsaan 2008 di Riverside Crown Plaza, Kuching, Sarawak Pencapaian : NAIB JOHAN/ ANUGERAH PIALA KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA</p>
<p>Gambar Projek</p>	<div data-bbox="634 1010 1292 1654" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="662 1688 1268 1719" style="text-align: center;">Papan Injap 2R yang telah siap proses fabrikasi</p>



Pemeriksaan semula Papan Injap 2R oleh kumpulan KMK



Papan Injap 2R di pasang di Struktur 'Check Gate'



Pandangan jarak dekat Papan Injap 2R berfungsi